



**JABATAN TENAGA MANUSIA**

# **MANUAL KUALITI ISO 9001: 2015**

<b>DISEDIAKAN OLEH:</b>	<b>DILULUSKAN OLEH:</b>
<b>TS. ABD HALIM BIN HASAN</b>	<b>TS. DR. ARUNA BINTI ISMAIL @ ABD WAHAB K.M.N</b>
<b>JAWATAN:</b>	<b>JAWATAN:</b>
<b>PENGARAH BAHAGIAN KAWALAN TEKNIKAL JABATAN TENAGA MANUSIA</b>	<b>TIMBALAN KETUA PENGARAH JABATAN TENAGA MANUSIA</b>
<b>TANDATANGAN:</b>	<b>TANDATANGAN:</b>
	

**1 JANUARI 2026**

**REKOD PINDAAN DOKUMEN(RPD)**

Sebarang perubahan kepada dokumen ini hendaklah direkodkan di dalam Rekod Pindaan Dokumen (RPD) seperti di bawah.

<b>Bil</b>	<b>Bil Pindaan</b>	<b>Butiran Pindaan</b>	<b>Klausa Terlibat</b>	<b>Muka Surat</b>	<b>Tarikh Kuat Kuasa</b>
1	01	Pindaan nama Timbalan Ketua Pengarah	-	1	Jan 2026
2	02	Pindaan nama Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) kepada Kolej Teknologi Termaju Jabatan Tenaga Manusia (ADTEC JTM) dan ILJTM kepada ADTEC JTM	-	3-55	Jan 2026
3	03	Pindaan Perkara C (Latar Belakang Organisasi)	-	4	Jan 2026
4	04	Pindaan nama ADTEC Melaka kepada Institut Teknologi Automotif Termaju PROTON (PROTON Advanced Automotive Technology Institute (PROTON Institute))	-	5	Jan 2026
6	06	Pindaan Perkara I (Pelanggan Organisasi)	-	9	Jan 2026
7	07	Pindaan kepada Skop Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)	Klausa 4.3	12	Jan 2026
8	08	Pindaan senarai nama Kampus - Kampus JTM	Apendiks A1	45	Jan 2026
9	09	Pindaan kepada senarai program yang ditauliahkan di ADTEC JTM	Apendiks A3	53	Jan 2026



## **PENGENALAN**

### **A. PENGENALAN KEPADA MANUAL KUALITI**

Dokumen ini merupakan Manual Kualiti Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Kementerian Sumber Manusia. Manual Kualiti ini disediakan untuk memenuhi matlamat dan objektif penubuhan JTM, selaras dengan kehendak dan keperluan Standard ISO 9001:2015. Ia mengandungi Dasar Kualiti, Objektif Kualiti, penerangan ringkas mengenai Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dan dasar serta prinsip-prinsip asas yang memandu kepada pelaksanaan Pengurusan Pemberian Perkhidmatan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Manual ini dilengkapi dengan garis panduan, arahan kerja dan dokumen sokongan yang berkaitan dengannya.

### **B. TUJUAN**

Tujuan Manual Kualiti ini disediakan adalah untuk:

- i. Menerangkan maklumat asas organisasi Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dan Kolej Teknologi Termaju Jabatan Tenaga Manusia (ADTEC JTM);
- ii. Menerangkan sistem pengurusan kualiti dan Pengurusan Pemberian Perkhidmatan TVET selaras dengan kehendak dan keperluan Standard ISO 9001:2015; dan
- iii. Menggariskan dasar dan prinsip asas bagi setiap aktiviti dalam penyampaian perkhidmatan TVET.



## **C. LATAR BELAKANG ORGANISASI**

### **i. Jabatan Tenaga Manusia (JTM)**

Jabatan Tenaga Manusia (JTM) ditubuhkan untuk menyediakan dan melaksanakan program TVET bagi memenuhi keperluan sektor perindustrian negara. JTM bertanggungjawab bagi menyediakan latihan kemahiran bagi lepasan sekolah dan menyediakan maklumat peluang-peluang latihan untuk sektor perindustrian melalui 33 kampus ADTEC JTM di seluruh negara termasuk Institut Teknikal Jepun - Malaysia (Japan-Malaysia Technical Institute – JMTI) dan Institut Teknologi Automotif Termaju PROTON (PROTON Advanced Automotive Technology Institute - PROTON Institute).

Maklumat lokasi, laman sesawang dan maklumat perhubungan komunikasi JTM dan ADTEC JTM adalah seperti di Lampiran **Apendiks A1**. Manakala struktur organisasi JTM dan ADTEC JTM boleh dirujuk di laman sesawang kampus masing-masing.

### **ii. Institut Teknikal Jepun - Malaysia (*Japan-Malaysia Technical Institute – JMTI*)**

Institut Teknikal Jepun – Malaysia (JMTI) merupakan institusi latihan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang ditubuhkan melalui kerjasama teknikal antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Jepun. Penubuhan JMTI bertujuan melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi, berpengetahuan serta berdaya saing melalui penyediaan latihan kemahiran bertaraf tinggi dalam bidang teknologi termaju, selaras dengan keperluan semasa sektor perindustrian.

JMTI menawarkan program pengajian sepenuh masa dan separuh masa merangkumi Diploma Teknologi Perindustrian (DTP), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Sijil Teknologi Perindustrian (STP), Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Sijil Kekompetenan, Sijil Profesional, Sijil Modular dan Sijil Micro Credential. Selain itu, JMTI turut melaksanakan kursus jangka pendek peningkatan kemahiran bagi pekerja industri ke



arah melahirkan tenaga mahir yang berwawasan, kreatif dan beretika tinggi dalam pelbagai bidang kemahiran.

**iii. Institut Teknologi Automotif Termaju PROTON (PROTON Advanced Automotive Technology Institute - PROTON Institute)**

PROTON Institute merupakan penjenamaan semula ADTEC Melaka hasil kerjasama strategik antara Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dengan PROTON Holdings Berhad, Proton Vendors Association (PVA) dan Proton Edar Dealers Association (PEDA). Penjenamaan ini bertujuan memperkukuh latihan kemahiran dalam bidang automotif sejajar dengan keperluan industri automotif negara.

Secara umumnya, PROTON Institute menawarkan program sepenuh masa dan separuh masa di peringkat Diploma Teknologi Perindustrian (DTP), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Sijil Teknologi Perindustrian (STP), Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Sijil Kompeten Daikin dan Sijil Modular.

PROTON Institute turut melaksanakan Program Akademi Dalam Industri (ADI) dengan kerjasama Muehlbauer Technologies Sdn. Bhd sebagai rakan industri bagi menyokong pelaksanaan latihan TVET berorientasikan industri.

**iv. Kolej Teknologi Termaju Jabatan Tenaga Manusia (*Advanced Technology Training Center* – (ADTEC JTM))**

Kolej Teknologi Termaju Jabatan Tenaga Manusia (ADTEC JTM) ditubuhkan bagi memenuhi keperluan tenaga mahir negara melalui penyediaan latihan vokasional di peringkat tertinggi dengan pengkhususan dalam bidang teknologi tinggi dan terkini, selaras dengan perkembangan teknologi dalam sektor pembuatan dan industri.



Secara umumnya, ADTEC JTM menawarkan program sepenuh masa dan separuh masa meliputi Diploma Teknologi Perindustrian (DTP), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Sijil Teknologi Perindustrian (STP) dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Sijil Kekompetenan, Sijil Profesional, Sijil Modular dan Sijil Micro Credential.

Selain itu, ADTEC JTM turut melaksanakan kursus jangka pendek peningkatan kemahiran bagi pekerja industri ke arah melahirkan tenaga kerja mahir yang berwawasan, kreatif dan beretika tinggi.

#### **D. FUNGSI ORGANISASI**

Secara umumnya, fungsi JTM ialah:

- i. Menyedia dan menjalankan program latihan pra-pekerjaan untuk memenuhi keperluan sektor perindustrian di Malaysia; dan
- ii. Meningkatkan tahap kemahiran pekerja sedia ada untuk sektor perindustrian.

JTM menjalankan aktiviti berikut selaras dengan Pelan Strategik Jabatan Tenaga Manusia yang diurus dan diselia oleh 6 bahagian di ibu pejabat iaitu :

- i. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (BPP)
- ii. Bahagian Pengurusan Latihan (BPL)
- iii. Bahagian Kawalan Teknikal (BKT)
- iv. Bahagian Pembangunan Kemahiran (BPK)
- v. Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)
- vi. Unit Jalinan Industri (UJI)



Fungsi-fungsi bahagian adalah seperti berikut:

**a) Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (BPP)**

- i. Membantu Jabatan dalam merancang hala tuju strategik Jabatan untuk memenuhi aspirasi Kementerian dan negara
- ii. Membuat penyelidikan berhubung latihan kemahiran bagi menambahbaik pelaksanaan seiring dengan dasar dan pelan pembangunan negara.

**b) Bahagian Pengurusan Latihan (BPL)**

- i. Mengurus pengambilan pelajar lepasan SPM dan SKM di tiga puluh tiga (33) ADTEC JTM bagi program sepenuh masa
- ii. Merancang aktiviti hebahan, publisiti dan promosi bagi meningkatkan imej ADTEC JTM sebagai penyedia TVET
- iii. Menguruskan hal ehwal pelajar di ADTEC JTM bagi memastikan graduan yang berkualiti sejajar dengan pembangunan modal insan yang berkemahiran
- iv. Menguruskan pertanyaan/aduan pelanggan bagi memastikan sistem penyampaian yang cekap

**c) Bahagian Kawalan Teknikal (BKT)**

- i. Membangunkan kurikulum dan bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP)
- ii. Memastikan pelaksanaan latihan di ADTEC JTM memenuhi kualiti latihan yang ditetapkan.
- iii. Mengurus peperiksaan dan persijilan bagi program sepenuh masa.
- iv. Menguruskan pertandingan kemahiran World Skill Malaysia Belia (WSMB) dan World Skill Malaysia Pengajar (WSMP) diperingkat kebangsaan dan antarabangsa.



**d) Bahagian Pembangunan Kemahiran (BPK)**

- i. Menyelaras projek pembangunan infrastruktur dan keperluan peralatan latihan
- ii. Menyelaras aktiviti penyelenggaraan fizikal dan peralatan latihan
- iii. Menyelaras aktiviti pembangunan dan kemahiran tenaga pengajar
- iv. Mengurus dan memantau aktiviti berkaitan aset tak alih dan penyewaan ruang bangunan

**e) Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)**

- i. Memberi khidmat nasihat dalam mengendalikan hal ehwal pentadbiran perkhidmatan kewangan, pembangunan organisasi, pengurusan prestasi, tatatertib, akaun, aset alih, teknologi maklumat, pengurusan kontrak dan perolehan Jabatan.
- ii. Merancang dan menentukan aktiviti-aktiviti khidmat pengurusan Jabatan dijalankan dengan cekap dan berkesan.

**f) Unit Jalinan Industri (UJI)**

- i. Mengawalselia pelaksanaan kursus jangka pendek di ADTEC JTM.
- ii. Mengadakan jalinan kerjasama strategik dengan pihak industri dan badan penaja

**E. VISI**

Menjadi organisasi peneraju dalam membangunkan tenaga kerja yang berdaya saing.

**F. MISI**

Mengeluarkan tenaga kerja yang berdaya saing.



## **G. OBJEKTIF**

Membantu ke arah penggunaan tenaga manusia yang optimum melalui program latihan perindustrian.

## **H. PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN**

JTM menyediakan perkhidmatan Pemberian TVET kepada lepasan sekolah dan peningkatan latihan kemahiran kepada pekerja industri.

## **I. PELANGGAN ORGANISASI**

Pelanggan organisasi terdiri daripada pelajar, ibu-bapa pelajar, kakitangan JTM, majikan, pekerja industri dan orang awam.

Pihak berkepentingan dalam sistem pengurusan kualiti ini ialah Kementerian Sumber Manusia.



## **SISTEM PENGURUSAN KUALITI**

### **1. SKOP**

Manual kualiti ini merupakan dokumen rujukan utama bagi perancangan dan pelaksanaan TVET di ibu pejabat JTM dan tiga puluh tiga (33) kampus ADTEC JTM seluruh negara.

Ia digunakan bagi tujuan meningkatkan sistem pengurusan kualiti dalam pemberian perkhidmatan TVET kepada pelanggan.

### **2. RUJUKAN NORMATIF**

Keseluruhan atau sebahagian daripada dokumen dirujuk secara normatif dalam dokumen ini dan sangat diperlukan dalam penggunaannya. Bagi rujukan bertarikh, hanya edisi yang disebut diguna pakai. Bagi rujukan tidak bertarikh, edisi terkini dokumen yang dirujuk (termasuk sebarang pindaan) diguna pakai.

### **3. ISTILAH DAN TAKRIFAN**

Bagi tujuan dokumen ini, istilah dan takrifan yang diberikan dalam MS ISO 9001:2015 adalah digunakan.

### **4. KONTEKS ORGANISASI**

#### **4.1 Memahami Jabatan Tenaga Manusia dan konteksnya**

**4.1.1** JTM telah menentukan isu dalaman dan luaran dengan kaedah SWOT dan didokumentasikan menggunakan kaedah FITCOW dan



PESTEL. Isu dalaman yang dikenal pasti adalah merujuk kepada :

- i. Kewangan
- ii. Infrastruktur
- iii. Teknologi
- iv. Kompetensi Operasi
- v. Persekitaran Kerja

**4.1.2** Isu luaran yang dikenal pasti adalah merujuk kepada;

- i. Politik
- ii. Ekonomi
- iii. Sosial
- iv. Teknologi
- v. Perundangan
- vi. Persekitaran

Semua isu dan cabaran dinyatakan dalam buku pelan strategik JTM. Isu-isu dipantau secara berkala dalam mesyuarat pengurusan atau mesyuarat-mesyuarat berkaitan di peringkat ibu pejabat dan ADTEC JTM. Kesemua isu akan dikaji semula setiap 2 kali setahun.

**Dokumen berkaitan:**

1. Pelan Strategik JTM, perkara : Isu dan Cabaran
2. Minit Mesyuarat Pengurusan JTM / ADTEC JTM
3. Minit mesyuarat berkaitan

**4.2 Memahami keperluan dan jangkaan pihak yang berkepentingan**

JTM menentukan 3 struktur utama pihak berkepentingan iaitu pemegang taruh (*stakeholder*), pelanggan dan rakan strategik. Pemegang taruh bagi JTM ialah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Suruhanjaya Tenaga (ST), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA),



Perbadanan Tabung Pendidikan Kemahiran (PTPK), Human Resources Development Cooperation (HRD Corp) dan agensi penaja lain yang berkaitan. Pemegang taruh menetapkan polisi yang bersesuaian dengan pelaksanaan skop SPK dan JTM/ADTEC JTM perlu patuh bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan berkualiti.

Pelanggan bagi JTM/ADTEC JTM adalah individu yang menerima perkhidmatan yang disediakan iaitu pelajar sama ada pelajar kursus sepenuh masa atau peserta KJP, ibu bapa dan pembekal.

JTM mengenalpasti badan kerajaan dan badan bukan kerajaan sebagai rakan strategik yang berperanan untuk saling membantu dalam memastikan skop perkhidmatan dicapai.

Maklumat mengenai pihak-pihak berkepentingan ini dan keperluan mereka yang berkaitan akan dipantau dan dikaji semula melalui mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan.

**Dokumen berkaitan:**

1. Pelan Strategik JTM, perkara: Isu dan Cabaran

#### **4.3 Menentukan Skop Sistem Pengurusan Kualiti**

Skop pelaksanaan bagi Sistem Pengurusan Kualiti JTM ialah Pengurusan Pemberian Perkhidmatan TVET berdasarkan Standard MS ISO 9001:2015. Sistem pengurusan kualiti ini dilaksanakan di JTM sebagai pembuat dasar dan ADTEC JTM sebagai pelaksana bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran melalui pendekatan latihan secara sepenuh masa dan kursus jangka pendek (KJP).



Manakala skop persijilan bagi Sistem Pengurusan Kualiti JTM ialah “Pengurusan Pemberian Perkhidmatan Latihan Kemahiran (TVET) di Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI), Institut Teknologi Automotif Termaju PROTON (PROTON Institute) dan Kolej Teknologi Termaju Jabatan Tenaga Manusia (ADTEC JTM) Kampus Seluruh Negara”.

#### **4.4 Sistem pengurusan kualiti dan proses-prosesnya**


JTM mewujudkan, melaksana dan menyelenggara Sistem Pengurusan Kualiti dan meningkatkan keberkesanannya secara berterusan selaras dengan keperluan Standard MS ISO 9001:2015.

Untuk itu JTM telah:

- a) Menentukan input-input yang perlu dan output-output yang dijangka dari proses-proses ini;
- b) Menentukan turutan dan interaksi proses-proses ini;
- c) Menentu dan menggunakan kriteria serta kaedah (termasuk pemantauan, pengukuran dan petunjuk prestasi yang berkaitan) yang perlu untuk memastikan keberkesanan operasi dan kawalan proses-proses ini;
- d) Menentukan sumber-sumber yang perlu untuk proses-proses ini dan memastikan adanya sumber-sumber tersebut;
- e) Memberikan tanggungjawab dan kuasa untuk proses-proses ini;
- f) Menangani risiko-risiko dan peluang-peluang sebagaimana yang telah ditentukan mengikut keperluan 6.1;
- g) Menilai proses-proses ini dan melaksanakan apa-apa perubahan yang perlu untuk memastikan proses-proses ini mencapai hasil yang dikehendaki; dan
- h) Menambah baik proses-proses ini dan sistem pengurusan kualiti.



Turutan dan hubung kait antara proses-proses ditunjukkan seperti di Rajah 1.



Rajah 1: Hubung kait SPK JTM

## 5. KEPIMPINAN

### 5.1 Kepimpinan dan komitmen

#### 5.1.1 Am

Pengurusan atasan menunjukkan kepimpinan dan komitmen dengan memberi perhatian kepada sistem pengurusan kualiti melalui:

- Mengambil kebertanggungjawaban dalam keberkesanan sistem pengurusan kualiti;
- Memastikan dasar kualiti dan objektif-objektif kualiti telah diwujudkan untuk sistem pengurusan kualiti dan sesuai dengan konteks serta hala tuju strategik organisasi;



- c) Memastikan integrasi keperluan-keperluan sistem pengurusan kualiti ke dalam proses-proses urusan organisasi;
- d) Menggalakkan penggunaan pendekatan proses dan pemikiran berasaskan risiko;
- e) Memastikan adanya sumber-sumber yang perlu untuk sistem pengurusan kualiti;
- f) Menyampaikan kepentingan mengenai pengurusan kualiti yang berkesan dan keakuratan kepada keperluan-keperluan sistem pengurusan kualiti;
- g) Memastikan sistem pengurusan kualiti mencapai hasil yang dikehendaki;
- h) Menugas, mengarahkan dan menyokong orang untuk menyumbang kepada keberkesanan sistem pengurusan kualiti;
- i) Menggalakkan penambahbaikan; dan
- j) Menyokong peranan pengurusan yang lain untuk menunjukkan kepimpinan mereka yang sepatutnya digunakan dalam lingkungan tanggungjawab mereka.

### **5.1.2 Tumpuan Kepada Pelanggan**

Pengurusan atasan juga menunjukkan kepimpinan dan komitmen dengan memberi perhatian kepada fokus kepada pelanggan dengan memastikan bahawa:

- a) Keperluan-keperluan pelanggan serta perundangan dan peraturan telah ditentukan, difahami dan dipenuhi secara konsisten;
- b) Risiko-risiko dan peluang-peluang yang boleh memberi kesan kepada keakuratan produk dan perkhidmatan serta keupayaan untuk meningkatkan kepuasan pelanggan telah ditentukan dan ditangani;
- c) Fokus untuk meningkatkan kepuasan pelanggan sentiasa dikekalkan.



## **5.2 Dasar**

### **5.2.1 Mewujudkan dasar kualiti**

KP JTM telah mewujudkan, melaksana dan mengekalkan dasar kualiti yang:

- a) Sesuai dengan matlamat dan konteks kementerian dan menyokong hala tuju strategiknya;
- b) Merangkumi komitmen untuk memenuhi keperluan yang berkaitan; dan
- c) Merangkumi komitmen untuk menambah baik SPK secara berterusan.

### **5.2.2 Menyampaikan dasar kualiti**

Dasar kualiti telah tersedia dan dikekalkan sebagai maklumat didokumentasikan; disampaikan, difahami dan digunakan dalam organisasi serta tersedia untuk pihak berkepentingan yang relevan.

#### **Dasar Kualiti Jabatan Tenaga Manusia:**

Jabatan Tenaga Manusia (JTM) beriltizam untuk melaksanakan pemberian perkhidmatan latihan dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang berkesan melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dengan penambahbaikan secara berterusan bagi memenuhi keperluan pelanggan.

## **5.3 Peranan, tanggungjawab dan kuasa dalam organisasi**

- a) KP JTM bertanggungjawab menentukan tugas dan tanggungjawab dan kuasa semua kakitangan yang terlibat dalam mengurus dan



melaksana aktiviti yang mempunyai kesan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti;

- b) Kuasa dan tanggungjawab disebarikan kepada semua kakitangan yang mengurus, melaksana dan meluluskan kerja yang memberi kesan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti melalui MyPortfolio, senarai tugas dan dokumentasi MS ISO 9001:2015.

**Dokumen berkaitan:**

1. Carta organisasi dan carta fungsi JTM / ADTEC JTM

## **6. PERANCANGAN**

### **6.1 Tindakan bagi menyatakan risiko dan peluang**

Apabila merancang untuk sistem pengurusan kualiti, JTM mempertimbangkan isu-isu yang dirujuk dalam 4.1 dan keperluan-keperluan yang dirujuk dalam 4.2 serta menentukan risiko dan peluang yang perlu ditangani untuk:

- a) Memberi jaminan bahawa sistem pengurusan kualiti boleh mencapai hasil yang dikehendaki;
- b) Meningkatkan kesan yang diinginkan;
- c) Mencegah, atau mengurangkan, kesan yang tidak diinginkan; dan
- d) Mencapai penambahbaikan.

JTM merancang:

- a) Tindakan-tindakan untuk menangani risiko-risiko dan peluang-peluang ini;
- b) Bagaimana untuk menggabungkan dan melaksanakan tindakan-tindakan ke dalam proses-proses sistem pengurusan kualiti dan menilai keberkesanan tindakan-tindakan ini.



Tindakan-tindakan yang diambil untuk menangani risiko-risiko dan peluang-peluang mestilah berpadanan dengan impak yang berpotensi ke atas keakuran produk dan perkhidmatan.

**Dokumen Berkaitan:**

1. Daftar Risiko dan Peluang
2. Terma Rujukan Pengurusan Risiko

**6.2 Objektif kualiti dan perancangan untuk mencapainya**

Objektif Kualiti Jabatan Tenaga Manusia merujuk kepada indikator pencapaian piagam pelanggan adalah:

1. Mengeluarkan tawaran kemasukan bagi kursus jangka panjang selewat-lewatnya tiga (3) minggu sebelum kursus bermula;
2. Memastikan pelajar-pelajar ADTEC JTM disahkan layak dianugerahkan sijil, diploma atau diploma lanjutan berdasarkan keputusan jawatankuasa berkenaan dalam tempoh lapan (8) minggu selepas tamat sesi latihan bagi semester tersebut;
3. Semua aduan diuruskan dalam tempoh lima belas (15) hari bekerja daripada tarikh aduan diterima dan tujuh (7) hari bekerja dari tempoh menerima maklumat daripada pihak ketiga.

Objektif Kualiti Kolej Teknologi Temaju Jabatan Tenaga Manusia (ADTEC JTM) adalah:

1. Mengeluarkan tawaran kemasukan bagi kursus jangka panjang selewat-lewatnya tiga (3) minggu sebelum kursus bermula;
2. Memastikan pelajar-pelajar ADTEC JTM disahkan layak dianugerahkan sijil, diploma atau diploma lanjutan berdasarkan keputusan jawatankuasa



berkenaan dalam tempoh lapan (8) minggu selepas tamat sesi latihan bagi semester tersebut;

3. Mengeluarkan surat tawaran kemasukan bagi kursus jangka pendek (KJP) selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum kursus bermula;
4. Memastikan peserta KJP yang mencatat peratus kehadiran melebihi 80% mendapat sijil dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tamat berkursus; dan
5. Semua aduan diuruskan dalam tempoh lima belas (15) hari bekerja dari tarikh aduan diterima dan tujuh (7) hari bekerja dari tempoh menerima maklumat dari pihak ketiga.

Pencapaian objektif kualiti dianalisa sekurang-kurangnya 2 kali setahun mengikut tempoh pelaksanaan setiap aktiviti.

**Dokumen berkaitan:**

1. Piagam Pelanggan JTM / ADTEC JTM
2. Analisa Pencapaian Piagam Pelanggan JTM / ADTEC JTM

**6.3 Perancangan perubahan**

Jika JTM menentukan keperluan untuk perubahan ke atas sistem pengurusan kualiti, perubahan tersebut mestilah dijalankan dalam keadaan yang terancang.

JTM akan mempertimbangkan:

- a) Tujuan perubahan tersebut dan akibat yang berkemungkinan;
- b) Integriti sistem pengurusan kualiti;
- c) Adanya sumber-sumber;
- d) Peruntukan atau peruntukan semula untuk tanggungjawab dan kuasa.



## **7. SOKONGAN**

### **7.1 Sumber**

#### **7.1.1 Am**

JTM merancang dan mendapatkan sumber yang mencukupi untuk melaksanakan kerja-kerja dalam sistem pengurusan kualiti melalui bajet tahunan. Sumber yang dimaksudkan termasuklah bilangan personel yang mencukupi dan terlatih, belanja mengurus, kemudahan di tempat kerja yang mencukupi, bahan dan keperluan yang mencukupi, persekitaran kerja yang kondusif dan lain-lain peralatan pejabat serta infrastruktur yang sesuai.

#### **7.1.2 Sumber Manusia**

JTM adalah komited dalam menyediakan kakitangan yang bersesuaian untuk melaksanakan sistem pengurusan kualiti yang berkesan untuk operasi serta kawalan ke atas semua proses yang berkaitan.

#### **Dokumen Berkaitan:**

1. Waran Perjawatan dan Pengisian jawatan
2. Rekod Perkhidmatan (Buku Rekod Perkhidmatan, Fail Peribadi dan HRMIS)

#### **7.1.3 Infrastruktur**

JTM akan menyediakan dan menyelenggara infrastruktur yang digunakan bagi mencapai kualiti perkhidmatan latihan teknikal dan vokasional yang diberikan seperti yang telah ditetapkan. Infrastruktur merangkumi:



- a) Bangunan serta kemudahan tempat kakitangan bekerja;
- b) Prasarana ICT (perisian dan perkakasan)
- c) Peralatan yang berkaitan dengan proses pemberian latihan teknikal dan vokasional; dan
- d) Kemudahan-kemudahan asas yang lain.

**Dokumen Berkaitan:**

1. Daftar Aset Alih dan Tak Alih Semua Fasiliti ADTEC JTM

**7.1.4 Persekitaran Kerja**

JTM mewujudkan, mengurus dan memastikan persekitaran kerja yang sesuai bagi menghasilkan produk atau perkhidmatan yang menepati perkara-perkara berikut:

- a) Pematuhan kepada peraturan-peraturan keselamatan seperti penggunaan pakaian/peralatan keselamatan di mana perlu seperti disyaratkan oleh OSHA dan Jabatan Alam Sekitar;
- b) Menggalakkan aktiviti sosial seperti mengadakan hari sukan dan hari keluarga institut; dan
- c) Penyediaan keperluan-keperluan lain yang boleh mendorong kepada persekitaran kerja yang kondusif.

**Dokumen Berkaitan:**

1. Panduan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) JTM
2. Manual Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) JTM



### **7.1.5 Sumber Pemantauan dan Pengukuran**

ADTEC JTM melaksanakan pengukuran peralatan latihan yang dikenal pasti secara sendiri atau secara perbandingan dengan agensi lain yang berkaitan dengan mengambil kira bajet tahunan dan kekangan masa. Elemen kawalan pengukuran terhadap peralatan latihan tidak kritikal kerana peralatan berfungsi sebagai alat bantuan pengajaran dan pembelajaran sahaja.

**Dokumen Berkaitan:**

Rekod daftar penyelenggaraan dan kalibrasi (sekiranya ada)

### **7.1.6 Pengetahuan Dalam Organisasi**

JTM menentukan pengetahuan yang perlu untuk operasi proses-proses serta mencapai keakuran produk dan perkhidmatan.

Pengetahuan ini mestilah diselenggara dan sentiasa ada pada suatu tahap yang diperlukan. Apabila menangani perubahan hasrat dan aliran, JTM mestilah mempertimbangkan pengetahuan semasanya dan menentukan bagaimana untuk mendapatkan atau mengakses pengetahuan tambahan dan terkini yang diperlukan.

**Dokumen Berkaitan:**

Senarai kompetensi dalam HRMIS / Myportfolio

## **7.2 Kekompetenan**

JTM adalah komited dalam menyediakan kakitangan yang kompeten melalui proses pendidikan, latihan, serta pengalaman bagi memastikan proses Pemberian TVET berada di tahap yang berkualiti.



JTM komited untuk:

- a) Mengenal pasti tahap kompetensi bagi setiap jawatan;
- b) Merancang dan mengadakan latihan/kursus serta mengambil tindakan yang bersesuaian bagi mencapai tahap kompetensi yang telah dikenal pasti;
- c) Membuat penilaian keberkesanan latihan ke atas kakitangan yang telah menghadiri latihan/kursus.
- d) Mengekalkan rekod berkaitan pendidikan, latihan dan pengalaman.

**Dokumen Berkaitan:**

1. Garis Panduan Perancangan dan Pengurusan Latihan Kakitangan
2. Dasar Latihan Sektor Awam

**7.3 Kesedaran**

JTM memastikan orang yang menjalankan tugas di bawah kawalan organisasi mestilah sedar mengenai:

- a) Dasar kualiti;
- b) Objektif-objektif kualiti yang berkaitan;
- c) Sumbangan mereka terhadap keberkesanan sistem pengurusan kualiti, termasuk faedah peningkatan prestasi;
- d) Implikasi-implikasi jika tidak akur dengan keperluan-keperluan sistem pengurusan kualiti.

**7.4 Komunikasi**

Pihak Pengurusan JTM menentukan komunikasi dalaman dan luaran yang berkaitan dengan sistem pengurusan kualiti, termasuk:

- a) Apa yang akan disampaikan;
- b) Bila untuk disampaikan;



- c) Dengan siapa untuk disampaikan;
- d) Bagaimana untuk disampaikan;
- e) Siapa yang sampaikan.

Tindakan penyampaian maklumat secara dalaman ialah melalui memo, mesyuarat, perhimpunan bulanan, taklimat, e-mel dan laman web, manakala penyampaian maklumat secara luaran ialah melalui surat rasmi, e-mel, laman web, media massa dan juga media sosial.

### **7.5 Maklumat didokumenkan**

Satu prosedur bagi mengenal pasti, menerima, mengumpul, mengindeks, mengguna, memfailkan, menyimpan, menyelenggara, menghantar dan melupuskan rekod-rekod kualiti disediakan. Prosedur ini akan mematuhi peraturan, undang-undang, arahan dan dasar Kerajaan yang sedia ada. Tempoh penyimpanan setiap rekod ditetapkan dan "*Back-up*" rekod diperlukan bagi rekod yang disimpan secara elektronik.

#### **Dokumen Berkaitan:**

1. Senarai Induk Dokumen (rujuk **Apendiks A2**)



Pelaksanaan SPK JTM adalah berasaskan kepada 4 peringkat dokumen iaitu:

a) Manual Kualiti

Dokumen yang mengandungi dasar dan objektif organisasi, penerangan ringkas mengenai SPK termasuk bagaimana klausa-klausa dalam Standard MS ISO 9001:2015 dipatuhi.

b) Garis panduan/MyPortfolio


Dokumen yang menggariskan tujuan dan turutan langkah dalam proses kerja bagi melaksanakan sesuatu aktiviti dengan terperinci daripada aspek bagaimana dan mengapa ia dilaksanakan, bila, di mana dan siapa yang melaksanakannya.

c) Dokumen Sokongan

Dokumen yang menjadi rujukan dan panduan serta perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang telah didokumenkan dalam dokumen kualiti seperti pekeliling yang berkaitan. Dokumen sokongan utama di JTM/ADTEC JTM ialah Piagam Pelanggan dan Pelan Strategik JTM/ADTEC JTM.

d) Rekod Kualiti

Rekod-rekod yang menunjukkan kepatuhan kepada SPK yang diwujudkan. Struktur dokumen kualiti ini digambarkan di Rajah 2 berikut:



*Rajah 2: Hierarki Dokumen*

## 8. OPERASI

### 8.1 Perancangan dan kawalan operasi

JTM merancang dan menyediakan proses yang diperlukan bagi pengurusan dan pelaksanaan penyampaian perkhidmatan latihan yang dinyatakan dalam skop Sistem Pengurusan Kualiti.

Dalam perancangan, JTM menentukan:

- a) Objektif kualiti dan keperluan penyampaian perkhidmatan latihan;
- b) Keperluan untuk membangunkan proses, penyediaan dokumen dan sumber yang mencukupi. JTM akan menyediakan Pelan Strategik JTM untuk pelaksanaan;



- c) Keperluan verifikasi, pemantauan, penyemakan semula, pemeriksaan dan penilaian penyampaian perkhidmatan latihan; dan
- d) Rekod yang diperlukan diselenggara sebagai bukti pelaksanaan penyampaian perkhidmatan latihan memenuhi keperluan Sistem Pengurusan Kualiti.

**Dokumen Berkaitan:**

1. Garis Panduan Pelaksanaan Latihan Kemahiran dan Penilaian ADTEC JTM
2. Garis Panduan Pelaksanaan Program Suruhanjaya Tenaga
3. Senarai program yang ditauliahkan (rujuk **Apendiks A3**)

## **8.2 Keperluan untuk produk dan perkhidmatan**

### **8.2.1 Komunikasi Dengan Pelanggan**

Bagi memastikan komunikasi yang berkesan dengan pelanggan, JTM komited untuk:

- a) Menyalurkan maklumat berkaitan dengan peluang pengajian dan kursus yang ditawarkan melalui Panduan Permohonan Kemasukan Pelajar dari laman web JTM;
- b) Mengendalikan pertanyaan berkaitan kursus oleh pelanggan yang di rujuk kepada BPPL atau jabatan/bahagian berkenaan;
- c) Menyediakan kemudahan-kemudahan perhubungan melalui laman web, e-mel, telefon dan faks; dan
- d) Menerima dan merekodkan maklum balas yang diterima termasuk aduan pelanggan.



### **8.2.2 Menentukan Keperluan-Keperluan Perkhidmatan**

JTM mengenal pasti:

- a) Kehendak pelanggan terhadap perkhidmatan melalui borang permohonan dan maklumat dalam Panduan Permohonan Kemasukan Pelajar secara dalam Talian;
- b) Kehendak pelanggan yang tidak dinyatakan oleh pelanggan tetapi perlu disediakan seperti bantuan kewangan, perpustakaan, khidmat bimbingan dan kaunseling;
- c) Keperluan undang dan peraturan yang berkaitan dengan penyampaian perkhidmatan latihan;
- d) Keperluan-keperluan lain yang ditentukan oleh JTM yang terdiri daripada peraturan peperiksaan, panduan pendaftaran pelajar dan Peraturan Tatatertib dan Disiplin Pelajar ADTEC JTM; dan
- e) Keperluan pelanggan selepas perkhidmatan seperti bantuan kebolehpekerjaan.

Semakan Semula Keperluan-Keperluan Penyampaian Perkhidmatan Latihan:

JTM menyemak semula keperluan-keperluan perkhidmatan yang hendak disampaikan sebelum membuat komitmen untuk melaksanakannya. Semakan semula ini bagi memastikan:

- a) Semua keperluan perkhidmatan dikenal pasti;
- b) Jika terdapat perbezaan antara kehendak pelanggan dengan perkhidmatan yang disediakan, ianya diatasi terlebih dahulu sebelum perkhidmatan disampaikan dan hendaklah dimaklumkan kepada pelanggan;



- c) JTM berkeupayaan memenuhi keperluan perkhidmatan yang dikehendaki.
- d) Rekod mengenai hasil daripada semakan semula disimpan dan diselenggarakan dengan baik.

**Dokumen Berkaitan:**

- 1. Hierarki dokumen Kerajaan yang sedang berkuatkuasa
- 2. Buku Peraturan Tatatertib Pelajar 2024
- 3. Garis Panduan Pengurusan Pelajar (\*\*kalendar, pengambilan dan pendaftaran pelajar)

**8.2.3 Perubahan Keperluan**

Sekiranya terdapat perubahan ke atas perkhidmatan, JTM memastikan dokumen-dokumen berkaitan dengannya dipinda dan dimaklumkan kepada semua kakitangan yang terlibat dengan penghasilan perkhidmatan tersebut.

**8.3 REKABENTUK DAN PEMBANGUNAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN**

**8.3.1 Am**

JTM mewujudkan, melaksana dan menyelenggara proses reka bentuk dan pembangunan kurikulum latihan untuk memastikan pembelajaran dan pengajaran di laksanakan dengan berkesan.



### **8.3.2 Perancangan Reka bentuk Dan Pembangunan Kurikulum Latihan**

JTM bertanggungjawab untuk merancang dan mengawal aktiviti mereka bentuk dan membangun kurikulum bagi kursus-kursus baru dan bahan-bahan pembelajaran dengan menyediakan pelan reka bentuk yang mengandungi:

- a) Peringkat-peringkat yang terlibat dalam aktiviti mereka bentuk dan pembangunan proses berkenaan;
- b) Peringkat semakan semula dan verifikasi yang terlibat dalam aktiviti mereka bentuk dan pembangunan proses;
- c) Personel dan jawatankuasa-jawatankuasa yang diberi tanggungjawab dalam proses reka bentuk dan pembangunan bagi memastikan keberkesanan, pencapaian dan kualiti perkhidmatan yang akan disampaikan kepada pelajar.

#### **Dokumen Berkaitan:**

1. Garis Panduan Pembangunan Kurikulum dan Bahan Pembelajaran

### **8.3.3 Input Kepada Aktiviti Mereka bentuk dan Pembangunan Kurikulum Latihan**

JTM akan mengenal pasti maklumat-maklumat dan data-data yang penting bagi pelaksanaan aktiviti mereka bentuk dan membangun kurikulum kursus-kursus baru. Rekod-rekod mengenainya akan diselenggara. Maklumat dan data berkenaan meliputi :



- a) Tujuan pemberian perkhidmatan. Ini termasuk justifikasi keperluan berdasarkan analisa maklumat dan data daripada agensi-agensi pusat, persatuan-persatuan perkilangan atau analisa keperluan pemberian perkhidmatan yang dirancang.
- b) Undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan.
- c) Maklumat dan reka bentuk yang sebelumnya.
- d) Keperluan-keperluan lain untuk aktiviti reka bentuk dan pembangunan (jika ada).

Kesemua maklumat dan data yang dinyatakan ini disemak untuk memastikan ia mencukupi, jelas dan tidak bercanggah antara satu dengan yang lain.

#### **8.3.4 Kawalan Reka bentuk dan Pembangunan**

- a) Jawatankuasa Kepakaran yang dipengerusikan oleh Pengerusi Kluster bertanggungjawab untuk membuat semakan ke atas kurikulum yang telah dibangunkan.
- b) Jawatankuasa Induk Kepakaran yang dipengerusikan oleh TKP JTM bertanggungjawab untuk melaksanakan verifikasi bagi tujuan pengesahan.
- c) JTM melaksanakan aktiviti pengesahan melalui Jawatankuasa Induk Kepakaran ke atas reka bentuk dan pembangunan bagi memastikan output yang dihasilkan oleh aktiviti ini memenuhi tujuan dan kegunaan proses itu diwujudkan.
- d) Pengesahan ini dibuat oleh Jawatankuasa Induk Kepakaran sebelum kurikulum diguna pakai yang dipengerusikan oleh TKP JTM.



- e) Rekod hasil proses semakan, verifikasi dan pengesahan di rekod dan diselenggara.

### **8.3.5 Output Kepada Aktiviti Mereka bentuk dan Pembangunan Kurikulum Latihan**

